

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1994/95

Februari 1995

PDP 427 - Kaedah Mengajar Sejarah II

Masa : [3 jam]

---

Arahan: Jawab 4 (Empat) soalan sahaja.

1. Kaedah INKUIRI lebih memusatkan PELAJAR daripada GURU; menjelaskan MENGAPA dan BAGAIMANA daripada APA dalam perkembangan kurikulum; dan bersifat AKTIF dan bukan PASIF dalam kegiatan-kegiatan pengajaran-pemelajaran.

Dengan contoh-contoh yang sesuai, jelaskan pandangan tersebut, dalam perancangan kaedah mengajar sejarah.

2. Dalam merancang pengolahan pengajaran-pemelajaran, terdapat beberapa langkah tindakan yang sesuai dan sistematik perlu diambil oleh guru.

Berdasarkan kepada satu fokus topik sukatan pelajaran sejarah, jelaskan langkah-langkah yang perlu guru buat dan mengapakah setiap peringkat langkah itu penting dalam perancangan pengajaran sejarah.

3. Salah satu aspek utama dalam menentukan kecekapan dan keberkesanan pengajaran-pemelajaran adalah hubungan komunikasi guru-murid.

Berdasarkan kepada lunas-lunas komunikasi, bagaimanakah perancangan pengajaran-pemelajaran sejarah dapat disesuaikan. Sila beri contoh-contoh yang sesuai.

4. Dalam perkembangan psikologi dan pendidikan, terdapat beberapa penyelidikan yang memberi tumpuan kepada beberapa tahap pencapaian dan kematangan keupayaan murid berkaitan dengan kefahaman konsep dan bahasa.

Dengan contoh-contoh yang sesuai, jelaskan pandangan tersebut dalam pengajaran-pemelajaran sejarah.

...2/-

- 2 -

5. Buku teks dapat dijadikan rujukan yang berkesan kepada pelajar jika guru merancang penggunaannya dengan sistematik.

Dengan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan langkah-langkah, perancangan yang dapat dijalankan oleh guru supaya pengajaran-pemelajaran sejarah berjalan dengan cekap dan berkesan.

- 0000000 -